

DASAR PERLINDUNGAN KANAK-KANAK BAGI RUMAH KANAK-KANAK JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

1. PERNYATAAN VISI DAN MISI DASAR PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

Visi : Rumah Kanak-Kanak (RKK) bertujuan untuk memberi perlindungan dan pemeliharaan yang menggalakkan perkembangan jasmani, mental dan emosi yang sihat secara holistik kepada kanak-kanak yang berada di RKK.

Misi : Bagi mencapai visi di atas, RKK mestilah mewujudkan persekitaran yang mesra kanak-kanak iaitu suasana yang kondusif/terancang dan selamat untuk perkembangan, perlindungan dan keselamatan kanak-kanak.

2. PENYATAAN KOMITMEN

2.1 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) komited untuk memastikan kebajikan kanak-kanak di bawah RKK dijaga dengan baik selaras dengan fungsi RKK yang memberikan perlindungan dan pemeliharaan kepada kanak-kanak yang berada di RKK.

2.2 JKJ komited untuk memastikan kanak-kanak di bawah jagaan RKK mendapat perlindungan dan pemeliharaan

yang terbaik serta membantu perkembangan menyeluruh untuk tumbesaran kanak-kanak dalam suasana yang merangsang pembangunan individu cemerlang.

2.3 RKK akan memastikan semua kanak-kanak, tanpa mengira umur, budaya, bangsa, kecacatan, gender, bahasa dan agama mempunyai hak untuk dilindungi daripada penderaan atau sebarang bentuk unsur penderaan sepanjang berada di RKK.

2.4 RKK akan memastikan semua bentuk tuduhan atau pengaduan melibatkan kes penderaan atau sebarang kes yang mengandungi kebarangkalian unsur-unsur penderaan diberi perhatian dan diambil tindakan segera dan bersesuaian.

2.5 RKK komited untuk melaksanakan dan memelihara hak, kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak seperti yang termaktub di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (AKK 2001), Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), Peraturan-Peraturan Tempat Selamat 2006, Akta Pusat Jagaan 1993 dan Akta TASKA 1984 di RKK.

2.6 **DEFINISI PENDERAAN KANAK-KANAK:**

2.6.1 **Penderaan Fizikal** menurut Akta Kanak-Kanak 2001 adalah apabila seseorang kanak-kanak dcederakan dari segi fizikal menyebabkan kecederaan yang boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak itu akibat

kekerasan atau penggunaan agen yang disengajakan kepada tubuh kanak-kanak itu.

2.6.2 **Penderaan emosi** menurut Akta Kanak-Kanak 2001 adalah apabila seseorang kanak-kanak dcederakan dari segi emosi yang menyebabkan gangguan yang boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak itu seperti kecelaruan mental atau tingkah laku, keresahan, kemurungan, penyendirian dan perkembangan lambat.

2.6.3 **Penderaan seksual** menurut Akta Kanak-Kanak 2001 adalah apabila seseorang kanak-kanak teraniaya dari segi seks jika dia mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi apa-apa maksud atau eksploitasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain.

2.6.4 **Pengabaian** merujuk kepada kegagalan secara berterusan dan serius untuk menyediakan keperluan asas fizikal, emosi dan pembangunan dari segi kesihatan, pendidikan, perkembangan emosi, nutrisi, tempat perlindungan dan kehidupan yang selamat untuk kanak-kanak. Pengabaian boleh mendedahkan kanak-kanak kepada segala bentuk bahaya, termasuk mengancam nyawa mereka.

3. PROTOKOL KELAKUAN

- 3.1 Semua kakitangan (termasuk kakitangan tetap, sementara, kontrak dan bekerja secara sukarela), ahli Lembaga Pelawat, pelawat, sukarelawan mestilah memberi keutamaan kepada kebajikan kanak-kanak dan menghormati hak-hak mereka.
- 3.2 Semua kakitangan, ahli Lembaga Pelawat, pelawat dan sukarelawan mesti mengetahui mengenai Dasar Perlindungan Kanak-kanak (DPKK), memahaminya serta bekerjasama untuk melaksanakannya dengan berkesan.
- 3.3 Semua kakitangan, ahli Lembaga Pelawat, pelawat dan sukarelawan perlu diberi latihan untuk membiasakan diri dengan DPKK.
- 3.4 Semua kakitangan, ahli Lembaga Pelawat, pelawat dan sukarelawan tidak dibenarkan mengambil gambar kanak-kanak melainkan setelah mendapat kebenaran Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan mematuhi syarat-syarat pengambilan gambar kanak-kanak.
- 3.5 Semua kakitangan, ahli Lembaga Pelawat, pelawat dan sukarelawan tidak dibenarkan berada bersendirian bersama kanak-kanak di tempat yang sunyi dan tidak boleh dilihat oleh orang lain.

3.6 Amalan-amalan baik yang mesti digalakkan dan dipraktikkan:

- mewujudkan perhubungan yang positif dan selamat dengan kanak-kanak berasaskan kepada kepercayaan di antara satu sama lain;
- menggalakkan kanak-kanak terlibat bersama dalam membuat keputusan;
- menyedari keperluan perkembangan kanak-kanak dan kemampuan mereka dalam melaksanakan sesuatu aktiviti/tugasan;
- menentukan aktiviti adalah menyeronokkan serta adil dan memberi manfaat kepada kanak-kanak;
- sentiasa memberi maklum balas yang membina dan tidak menghukum;
- menentukan tiada orang dewasa berada di bilik kanak-kanak melainkan mereka yang sedang bertugas;
- dalam keadaan di mana kanak-kanak lelaki dan perempuan dibawa keluar, mereka mestilah seboleh-bolehnya diiringi oleh kakitangan lelaki dan perempuan;

- kakitangan tidak boleh membawa balik kanak-kanak ke rumah/bilik mereka; dan
- pakaian hendaklah bersesuaian, peka kepada kehendak keagamaan dan kebudayaan dan tidak menjolok mata.

3.7 Amalan yang dilarang:

- tidak dibenarkan merokok di hadapan kanak-kanak/dalam kawasan RKK;
- tidak dibenarkan bermain secara kasar dan terlibat dalam permainan yang mempunyai unsur-unsur lucah dan judi;
- tidak dibenarkan menggunakan bahasa yang tidak bersesuaian apabila bersama kanak-kanak;
- tidak dibenarkan membuat komen yang berbaur lucah walaupun secara gurauan; dan
- tidak dibenarkan melakukan sebarang bentuk sentuhan yang tidak bersesuaian.

3.8 Jika perkara seperti di bawah ini berlaku, ia hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Pengetua/Timbangan Pengetua:

- kanak-kanak mendapat cedera secara fizikal;
- kanak-kanak tercedera secara tidak sengaja oleh anda;
- kanak-kanak nampak susah hati/murung;
- kanak-kanak salah faham atau salah anggap tindakan yang anda lakukan; dan
- kanak-kanak melaporkan apa-apa bentuk penderaan/penganiayaan.

3.9 Sentiasa berwaspada dan melaporkan sebarang bentuk penderaan yang disyaki (termasuk yang disyaki, yang sebenar atau penderaan yang dilaporkan oleh pihak ketiga) kepada Pengetua dan memastikan keselamatan serta kesejahteraan kanak-kanak. Jika Pengetua merupakan orang yang disyaki, laporan hendaklah dibuat kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri.

3.10 Menyediakan persekitaran yang selamat, diyakini dan cakna supaya kanak-kanak sedia mengadu, melaporkan dan semakin mempunyai keyakinan untuk menyuarakan idea, perasaan dan pendapat mereka.

3.11 Segala usaha hendaklah diambil untuk menentukan kerahsiaan maklumat dipatuhi. Maklumat hanya boleh

diberikan kepada pihak yang relevan dan dimaklumkan atas dasar 'perlu tahu' sahaja. Maklumat hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan boleh diperolehi oleh pihak-pihak tertentu sahaja.

- 3.12 Jika terdapat apa-apa pelanggaran terhadap DPKK ini, ia perlu dilaporkan kepada Pengetua atau Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri yang akan menentukan tindakan yang perlu diambil.

4. PENGAMBILAN KAKITANGAN DAN PENAPISAN

- 4.1 Segala tindakan perlu diambil untuk menentukan hanya mereka yang sesuai sahaja diambil untuk bekerja dengan kanak-kanak.
- 4.2 Kakitangan dan sukarelawan yang bekerja di RKK akan dinilai dalam temu duga pengambilan yang akan menyemak dan menentukan:
- (i) Borang permohonan telah dipenuhi yang mana antara lain mengandungi maklumat latar belakang, rekod jenayah (jika ada) khususnya berkaitan penderaan terhadap kanak-kanak dan nama 2 orang *referee* yang mesti dihubungi untuk pengesahan.
 - (ii) Kelulusan adalah mengikut ketetapan yang dibuat oleh JKM.

(iii) Tugas dan tanggungjawab perlu dijelaskan.

(iv) DPKK dijelaskan, difahami dan diteliti.

(v) Latihan yang diperlukan, dijelaskan.

4.3 Di mana sesuai, semakan polis akan dilaksanakan.

4.4 Individu yang datang bekerja dalam kerja-kerja kontrak di RKK akan dimaklumkan mengenai DPKK dan akan diminta mematuhi protokol kelakuan yang terdapat dalam Dasar tersebut.

5. PROSEDUR MENGURUSKAN TUDUHAN PENDERAAN

5.1 Semua kakitangan, Lembaga Pelawat dan sukarelawan digalakkan untuk mempunyai sikap terbuka dalam membincangkan isu-isu penderaan yang berlaku di RKK.

5.2 Jika mendapat aduan penderaan daripada kanak-kanak :

(i) Beri perhatian dan dengar dengan teliti.

(ii) Jangan menolak/menidakkan apa-apa aduan daripada kanak-kanak tanpa menjalankan siasatan terlebih dahulu.

- (iii) Jangan soal siasat kanak-kanak tersebut tetapi sebaliknya bertanya dengan tenang tanpa memberi tekanan kepada mereka.
- (iv) Jangan cuba meletakkan perkataan dalam percakapan kanak-kanak tersebut.
- (v) Rekod maklumat penting (apa, siapa, bila, di mana) dalam Borang Aduan Kanak-Kanak.
- (vi) Pentingkan kerahsiaan.
- (vii) Laporkan kepada Pengetua.
- (viii) Pengetua akan melaporkan kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri untuk menentukan tindakan seterusnya.

5.3 Jika terdapat tuduhan terhadap kakitangan, Pengetua perlu membuat siasatan awal dan melaporkan (dalam Borang Tuduhan Terhadap Kakitangan) kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri untuk menentukan tindakan seterusnya.

5.4 Kerahsiaan perlu diberi keutamaan dalam semua siasatan terhadap aduan dan tuduhan yang dibuat.

6. KOMUNIKASI DENGAN DAN BERKAITAN KANAK-KANAK

- 6.1 Maklumat mengenai kanak-kanak khususnya mengenai penderaan terhadap mereka dan latar belakang mereka tidak boleh didedahkan kepada orang ramai, hanya perlu diketahui oleh pihak yang berkuasa.
- 6.2 Gambar yang diambil tidak boleh menggambarkan mereka sebagai mangsa, tidak mencemarkan maruah mereka serta melindungi identiti mereka.
- 6.3 Laporan dan penyiaran media mengenai kanak-kanak adalah tertakluk kepada Seksyen 15 AKK 2001.

7. LATIHAN, PENILAIAN DAN PEMANTAUAN

- 7.1 Semua kakitangan, Lembaga Pelawat dan pekerja sukarela akan mengikuti latihan bagi tujuan:
 - menilai kefahaman dan amalan mereka dalam mengamalkan DPKK;
 - menentukan amalan mereka dapat melindungi mereka daripada tuduhan-tuduhan palsu;
 - mengenal pasti tanggungjawab mereka dan melaporkan apa-apa kebimbangan terhadap amalan tidak baik dan penderaan; dan

- boleh bekerja secara berkesan dan selamat dengan kanak-kanak.

7.2 JKM dengan pihak pengurusan RKK akan sentiasa menilai dan memantau pelaksanaan DPKK.

7.3 DPKK akan disemak setiap tahun bagi tujuan penambahbaikan dan dikemas kini untuk menjadikannya relevan dan berkesan.

**DEKLARASI MENGENAI KOMITMEN TERHADAP DASAR
PERLINDUNGAN KANAK-KANAK**

Saya _____ telah membaca dan memahami Dasar Perlindungan Kanak-Kanak dan akan menentukan saya mematuhi segala piawaian dan garis panduan yang ditetapkan.

Tandatangan

Nama : _____

No. KP : _____

Alamat : _____

Status di RKK : _____

Tarikh : _____

SAKSI

Tandatangan : _____

Nama : _____

Status di RKK : _____

Tarikh : _____